

20/09/2002

Badan khas selaras pameran foto Dr M

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Khamis - Kementerian Penerangan akan mewujudkan satu jawatankuasa khas menggabungkan pengamal media bagi menyelaras dan melaksanakan pameran foto Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata antara foto yang dicadangkan termasuk semua gambar Perdana Menteri yang diambil secara spontan sepanjang menjalankan tugas rasmi.

"Jika semua pihak bersetuju, saya akan mengadakan mesyuarat khas bagi menyelaraskan serta menyerahkan tugas kepada anggota media sebagai jawatankuasa projek ini.

"Jika boleh, pameran foto ini akan diadakan selewat-lewatnya Ogos tahun depan sebelum sambutan Hari Kebangsaan kerana semua foto yang dipamerkan nanti mempunyai kaitan dengan hari bersejarah itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pameran Foto Media Antarabangsa 2002 di Balai Seni Lukis Negara di sini, hari ini.

Hadir sama, Duta Besar Belanda ke Malaysia, John von Muhlen dan Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Tan Sri Kamarul Ariffin.

Pameran Foto Media Antarabangsa itu anjuran The Star dengan kerjasama Utusan Malaysia, Nanyang Siang Pau, Kedutaan Belanda, Penerbangan KLM Royal Dutch dan Kodak Profesional.

Pameran yang dibuka kepada orang ramai bermula jam 10 pagi hingga 6 petang, bermula sejak 16 September lalu dan berakhir 27 September ini.

Khalil berkata, dalam tempoh 20 tahun Dr Mahathir memimpin negara, tidak kurang 90,000 foto beliau dalam aksi spontan disimpan di Perpustakaan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Justeru, beliau berharap Kamarul bekerjasama dengan RTM dalam menyediakan foto untuk dipamerkan selain sumbangan pengamal media.

Selain itu, Khalil berkata, foto terbaik yang dipilih dari setiap syarikat penerbitan dan agensi berita akan dimuatkan dalam album untuk dijadikan koleksi tetap.

Sementara itu, lebih 200 foto dipamerkan dalam pameran kali ini. Sebanyak 49,235 foto dihantar oleh 4,171 jurugambar dari 123 negara termasuk 28 jurugambar tempatan.